

BAHASA MANDARIN HARIAN



每日汉语

马来语 01



国家汉办/孔子学院总部
Hanban/Confucius Institute Headquarters



中国国际广播电台
CHINA RADIO INTERNATIONAL

中国国际广播出版社

01

**BAHASA
MANDARIN HARIAN**
每日汉语

中国国际广播出版社

《每日汉语》编辑委员会

主 编：王庚年 许 琳

副 主 编：尹 力 马箭飞

执行主编：李 萍 王刚建 杨 磊 何劲草
安晓宇 于 宽 林少文 高世军

编 委：孙文正 杨滨源 李培春 童拉格
张雯雯 关 锐 牛道斌 孙景立

编 务：莫志伟 刘根芹 刘双燕 王瑞芬



目录 / KATALOG

第一课 打招呼

Pelajaran 1 Bertegur Sapa 1

第二课 感谢与道歉

Pelajaran Kc-2 Terima Kasih & Minta Maaf 11

第三课 祝你生日快乐

Pelajaran Kc-3 Selamat Hari Lahir 21

第四课 告别

Pelajaran Kc-4 Sampai Berjumpa Lagi 29

第五课 求助

Pelajaran Kc-5 Minta Bantuan 39

第六课 约会

Pelajaran Kc-6 Temu Janji 49



目录 / KATALOG

第七课 打电话

Pelajaran Ke-7 Menelefon.....58

第八课 谈论他人

Pelajaran Ke-8 Berbual-bual tentang
Orang Lain.....68

第九课 谈论心情

Pelajaran Ke-9 Berbual-bual tentang Perasaan.....78

第十课 谈工作

Pelajaran Ke-10 Berbual-bual tentang Kerja.....87

第十一课 谈爱好


Pelajaran Ke-11 Berbual-bual
tentang Kegemaran.....97

第十二课 在快餐厅

Pelajaran Ke-12 Makan di Restoran.....108

第一课 打招呼

Pelajaran 1 Bertegur Sapa



C: Apa khabar, saudara pendengar. Selamat mengikuti rancangan “Bahasa Mandarin Harian”. Saya Cao Jie, penyiar setia saudara.

W: Saya Wenwen. Bermula pada hari ini, kami akan menyediakan satu rancangan pelajaran bahasa Mandarin yang serba baru untuk saudara. Kami berharap agar saudara dapat mempelajari bahasa Mandarin di samping mendekati budaya China serta cara hidup rakyat China melalui rancangan ini.

C: Dalam rancangan “Bahasa Mandarin Harian” pertama ini, kami akan memperkenalkan kata sapaan yang lazim digunakan di Beijing. Untuk pengetahuan sandara, bahasa Mandarin mempunyai empat intonasi. Bunyi pertama iaitu mendatar, seperti dalam perkataan 妈 yang bermaksud “emak”. Bunyi kedua iaitu menaik, seperti dalam perkataan 麻 yang bermaksud “rami”.

W: Manakala, bunyi ketiga iaitu turun dan naik, seperti dalam perkataan 马 yang bermaksud “kuda”. Dan bunyi keempat iaitu menurun, seperti dalam perkataan 骂 yang bermaksud “mencaci”.

C: Intonasi amat penting dalam bahasa Mandarin kerana jika intonasinya berlainan, maksudnya juga berlainan. Oleh itu, saudara perlu memberikan perhatian yang lebih kepada intonasi ketika mempelajari bahasa

Mandarin.

W: Baiklah saudara, mari kita mulai pelajaran hari ini, yaitu bertegur sapa dalam bahasa Mandarin. Terlebih dahulu, marilah kita dengar beberapa ayat yang akan kita pelajari hari ini.



今日关键 Frasa Hari Ini

Nǐ hǎo.

你好。Helo.

Nǐ jiào shén me míng zì?

你叫什么名字? Siapa nama saudara?

Zhè shì wǒ de míng piàn.

这是我的名片。Ini kad nama saya.

Hǎo jiǔ bú jiàn.

好久不见。Sudah lama tak berjumpa.

W: Demikian tadi telah kita dengar ayat-ayat utama yang akan kita pelajari hari ini. Terdapat pelbagai cara untuk mengucapkan helo dalam bahasa Mandarin. Yang sering digunakan ialah 你好.

C: 你好。

W: 你, bermaksud “kamu”. 好 bermaksud “baik”. 你好 bermaksud “Apa khabar”. 你好 boleh digunakan

kepada sesiapa saja, di mana-mana tempat dan pada bila-bila masa.

C: Jadi, apakah yang harus saudara jawab apabila seseorang mengucapkan 你好 kepada saudara? Mudah sekali. Saudara juga membalas dengan ucapan 你好.

W: Sila sebut selepas saya. 你好.

C: 你好.

W: Seterusnya, mari kita mendengar satu perbualan.

对话一 Perbualan 1

A: 你好。Helo.

B: 你好。Helo.

A: 您好。Helo.

B: 您好。Helo.

C: Selepas mengucapkan helo, saudara mungkin ingin tanya nama orang itu. Saudara boleh tanyakan begini: 你叫什么名字 yang bermaksud "siapa nama saudara?". 你叫什么名字。

W: 你叫什么名字。

C: 你 bermaksud "kamu".

W: 你。

C: 叫 bermaksud "digelar".

W: 叫。

C: 什么 bermaksud “apa”.

W: 什么。

C: 名字 bermaksud “nama”.

W: 名字。

C: 你叫什么名字。

W: 你叫什么名字。 Siapa nama saudara.

C: Seterusnya, sila dengar perbualan yang berikut.

对话二 Perbualan 2

A: 你叫什么名字? Siapa nama saudara?

B: 我叫王龙。 Nama saya Wang Long.

A: 你叫什么名字? Siapa nama saudara?

B: 刘陆。 Liu Lu.

W: Apabila orang lain bertanya 你叫什么名字 kepada saudara, saudara boleh langsung menjawab nama saudara, atau menambah 我叫 sebelum menyebut nama saudara.

C: Sekarang di China, orang biasanya akan bertukar-tukar kad nama antara satu sama lain apabila mereka berjumpa buat pertama kalinya. Saudara boleh berkata 这是我的名片 apabila menghulurkan kad nama.

W: 这是我的名片。名片 bermaksud “kad nama”.

C: 名片。

W: 这 bermaksud “ini”.

C: 这。

W: 是 bermaksud “ialah”.

C: 是。

W: 我的 bermaksud “yang saya punya”.

C: 我的。

W: 名片, kad nama.

C: 名片。

W: 这是我的名片。Ini kad nama saya.

C: 这是我的名片。

W: Baiklah saudara, marilah kita sama-sama mendengar perbualan yang berikut, dan mempelajari cara untuk mengucapkan “sudah lama tak berjumpa” dalam bahasa Mandarin.

对话三 Perbualan 3

A: 这是我的名片。Ini kad nama saya.

B: 谢谢。Terima kasih.

A: 好久不见。你好吗？Sudah lama tak berjumpa. Apa khabar?

B: 挺好的。谢谢。Khabar baik, terima kasih.

C: Jika dua orang sudah lama tidak berjumpa antara satu sama lain, orang China sering mengucapkan 好久不见 yang bermaksud “sudah lama tak berjumpa”. 好久不见。

W: 好久不见。

C: 好久 bermaksud “sudah lama”.

W: 好久。

C: 不 bermaksud “tidak”.

W: 不。

C: 见 bermaksud “berjumpa”.

W: 见。

C: 好久不见。

W: 好久不见。

C: Yang saudara ikuti sekarang ialah rancangan “Bahasa Mandarin Harian”. Marilah kita mengulang kaji bahagian penting yang telah kita pelajari sebelum mendengar kesemua perbualan tersebut. Dalam rancangan hari ini, kita sudah pelajari 你好 yang bermaksud “helo”. 你好。

W: 你好。

C: 你叫什么名字 yang bermakna “siapa nama saudara?”.

W: 你叫什么名字。

C: Kita boleh berkata 这是我的名片 apabila menghulurkan kad nama.

W: 这是我的名片。

C: “Sudah lama tak berjumpa” dalam bahasa Mandarin ialah 好久不见.

W: 好久不见。

C: Seterusnya, marilah kita dengar kesemua perbualan dalam rancangan hari ini.



完整对话 Perbualan Seluruhnya

对话一 Perbualan 1

A: 你好。Helo.

B: 你好。Helo.

A: 您好。Helo.

B: 您好。Helo.

对话二 Perbualan 2

A: 你叫什么名字? Siapa nama saudara?

B: 我叫王龙。Nama saya Wang Long.

A: 你叫什么名字? Siapa nama saudara?

B: 刘陆。Liu Lu.

对话三 Perbualan 3

A: 这是我的名片。Ini kad nama saya.

B: 谢谢。Terima kasih.

A: 好久不见。你好吗? Sudah lama tak berjumpa. Apa khabar?

B: 挺好的。谢谢。Khabar baik, terima kasih.

W: Dalam setiap rancangan “Bahasa Mandarin Harian”

ini, kami akan menyediakan satu petua tentang budaya China untuk saudara.

C: Jadi, apakah petua untuk hari ini? Sila dengar dengan teliti.



Panduan Tentang Budaya China

Saudara mungkin sudah mendapati bahawa ada orang menggunakan 您好 apabila bertegur sapa dengan orang lain. Jadi, apakah bezanya antara 您好 dengan 你好? 您好 ialah kata sopan bagi 你. Biasanya, 你好 digunakan apabila saudara bertegur sapa dengan orang yang sebaya atau sama pangkat dengan saudara. Manakala, apabila saudara bertemu dengan orang yang umurnya lebih tua daripada saudara atau tetamu yang hormat, saudara boleh menggunakan 您好.

W: Sebelum mengakhiri rancangan hari ini, kami akan mengemukakan satu soalan kepada saudara pendengar. Bagaimanakah cara mengucapkan “sudah lama tak berjumpa” dalam bahasa Mandarin?

C: Jika saudara mengetahui jawapannya, sila kirimkan jawapan itu kepada kami melalui e-mel atau surat. Alamat e-mel kami ialah mal@cri.com.cn.


W: Untuk mendapat lebih banyak maklumat tentang rancangan ini, sila layari laman web kami, iaitu <http://malay.cri.cn>. Saya Wenwen.

C: Saya Cao Jie. Salam mesra dan jumpa lagi.



第二课 感谢与道歉

Pelajaran Ke-2 Terima Kasih & Minta Maaf



C: Apa khabar, saudara pendengar. Selamat mengikuti rancangan “Bahasa Mandarin Harian”. Saya Cao Jie.

W: Saya Wenwen. Dalam rancangan yang lalu, kita telah bersama-sama belajar beberapa perkataan untuk menyampaikan sapaan. Ahli falsafah China, Konfusius pernah berkata, “pelajarilah perkara baru di samping ulang kaji yang lama”. Seterusnya, marilah kita bersama-sama mengulang kaji kandungan pelajaran pertama.

C: Sebelum itu, mari kita dengar perbualan dalam rancangan yang lalu.



完整对话 Perbualan Seluruhnya

对话一 Perbualan 1

A: 你好。Helo.

B: 你好。Helo.

A: 您好。Helo.

B: 您好。Helo.

对话二 Perbualan 2

A: 你叫什么名字? Siapa nama saudara?

B: 我叫王龙。Nama saya Wang Long.

A: 你叫什么名字? Siapa nama saudara?

B: 刘陆。Liu Lu.